



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

30 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 993 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 197,973 kes. Sebanyak 20 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lapan (8) kes di Sandakan, empat (4) kes di Pitas, dua (2) kes di Papar dan Tawau manakala masing-masing satu (1) kes di Kudat, Kinabatangan, Kota Marudu dan Penampang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,185 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 178,548 orang. Manakala 3,100 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,168 orang di hospital, 1,905 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 16 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 138 orang merangkumi 127 di ICU/repurposed kritikal care serta 11 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 50 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- Negeri Sabah kembali mencatatkan kes di bawah empat (4) angka hari ini dengan (993) kes, penurunan sebanyak (-7) kes.

- b. Terdapat 12 daerah yang merekodkan peningkatan kes dengan kumulatif peningkatan (+157) kes, manakala 15 daerah lagi mencatatkan penurunan kes dengan kumulatif penurunan (-164) kes.
- c. Bagi kawasan bandar utama pula, Kota Kinabalu mencatatkan peningkatan kes sebanyak 116 (+2) kes. Angka kes bagi bandar-bandar lain ialah Lahad Datu 92 (+43) kes, Tawau 50 (+19) kes, Penampang 22 (-36) kes, Sandakan 69 (-27) kes, Kudat 25 (-4) kes dan Putatan 14 (-3).
- d. Daerah lain yang merekodkan peningkatan ketara pada hari ini ialah Tongod 38 (+38) kes, Tenom 55 (+21) kes dan Beluran 23 (+15) kes.
- e. Manakala daerah yang merekodkan penurunan signifikan pula ialah Ranau 60 (-39) kes, Papar 30 (-22) kes dan Kunak 8 (-10) kes.
- f. Kluster baru yang didaftar di Long Pasia, Sipitang adalah berpunca daripada sambutan Majlis Hari Jadi yang dihadiri oleh penduduk kampung dan hingga kini, 25 orang telah didapati positif hasil saringan yang dijalankan ke atas 30 individu.
- g. Kluster Long Pasia ini serta Kluster Mokodou di Ranau yang diistiharkan kelmarin agak mengecewakan dalam usaha kita memerangi pandemik. Kedua kes ini jelas menunjukkan masih ada penduduk kita yang tidak mematuhi SOP dan nasihat MOH secara serius. Kelalaian dan sikap acuh tak acuh telah mengakibatkan jangkitan virus COVID-19 yang melibatkan ramai penduduk.
- h. Adalah diharapkan agar pegawai-pegawai daerah, ketua-ketua masyarakat khususnya diperingkat akar umbi dan pengerusi-pengerusi JPKK memantau acara-acara sosial di kampung untuk memastikan pematuhan ketat kepada semua SOP. Kerjasama rakyat jelata amatlah penting bagi membolehkan kita memenangi perang melawan pandemik COVID-19.
- i. Daripada (993) kes yang didaftar hari ini, (358) kes atau 36.05% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (26) kes atau 2.62% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan sembilan (9) kes atau 0.91% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari selepas keputusan saringan diketahui. Terdapat (19) kes melibatkan OKT atau Banduan yang direkodkan hari ini.

- j. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (487) kes atau 49.0%, Saringan Bergejala (357) kes atau 36.0%, (18) kes atau 1.8% daripada Saringan Kluster, lima (5) kes atau 0.5% dari Saringan Bersasar dan (126) kes atau 12.7% melalui Saringan Lain-lain.
- k. Daripada (993) kes yang berdaftar hari ini, (109) kes atau 10.98% adalah pesakit dalam Kategori 1, (799) kes atau 80.46% dalam Kategori 2, satu (1) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan lapan (8) kes dalam Kategori 5. (70) kes masih dalam siasatan. 93.05% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- l. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (487) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	18	1.8%
2	Bergejala	357	36.0%
3	Kontak	487	49.0%
4	Bersasar	5	0.5%
5	Lain-lain	126	12.7%
JUMLAH		993	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (29 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 29/09/2021	Catatan Kes 30/09/2021	Perbandingan
1	Lahad Datu	49	92	+43
2	Tongod	0	38	+38
3	Tenom	34	55	+21
4	Tawau	31	50	+19
5	Beluran	8	23	+15
6	Sipitang	13	19	+6
7	Kalabakan	0	5	+5
8	Tuaran	51	55	+4
9	Kota Kinabalu	114	116	+2
10	Telupid	4	6	+2
11	Tambunan	17	18	+1
12	Kinabatangan	18	19	+1
13	Ranau	99	60	-39
14	Penampang	58	22	-36
15	Sandakan	96	69	-27
16	Papar	52	30	-22
17	Kunak	18	8	-10
18	Kota Belud	59	54	-5
19	Keningau	66	61	-5
20	Kudat	29	25	-4
21	Kota Marudu	70	66	-4
22	Kuala Penyu	7	4	-3
23	Putatan	17	14	-3
24	Beaufort	29	27	-2
25	Semporna	12	10	-2
26	Nabawan	20	19	-1
27	Pitas	29	28	-1
JUMLAH		1,000	993	-7

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (16 – 29 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	41	40	0	35	116	2,020
Lahad Datu	0	35	51	0	6	92	1,324
Sandakan	0	27	37	0	5	69	1,263
Kota Marudu	0	44	20	0	2	66	961
Keningau	0	40	19	0	2	61	1,029
Ranau	2	28	15	0	15	60	919
Tuaran	0	37	15	0	3	55	999
Tenom	0	31	18	0	6	55	372
Kota Belud	0	22	24	0	8	54	822
Tawau	0	23	22	0	5	50	701
Tongod	0	23	15	0	0	38	235
Papar	0	14	10	0	6	30	668
Pitas	0	15	2	0	11	28	599
Beaufort	0	15	11	0	1	27	216
Kudat	0	16	7	0	2	25	349
Beluran	0	5	7	5	6	23	411
Penampang	0	14	8	0	0	22	774
Nabawan	1	14	4	0	0	19	382
Sipitang	10	3	3	0	3	19	155
Kinabatangan	5	7	6	0	1	19	612
Tambunan	0	18	0	0	0	18	201
Putatan	0	4	9	0	1	14	555
Semporna	0	0	2	0	8	10	145
Kunak	0	4	4	0	0	8	200
Telupid	0	3	3	0	0	6	247
Kalabakan	0	2	3	0	0	5	131
Kuala Penyu	0	2	2	0	0	4	61
JUMLAH	18	487	357	5	126	993	16,351

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Mokodou	2
Sipitang	Kluster Long Pasia	10
Nabawan	Kluster Sawit Simpang Batu 38	1
Kinabatangan	Kluster Sawit M1	1
	Kluster Sawit Perpaduan	1
	Kluster Sungai Bendera	3
JUMLAH		18

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Long Pasia - Sipitang merupakan kluster jenis komuniti yang dipercayai menular ketika sambutan hari jadi. Kes indeks adalah wanita, 76, dari Kg Long Pasia dan bergejala demam serta batuk sejak 24 September 2021. Kes indeks kemudiannya disahkan positif COVID-19 dengan keputusan RTK AG grading 100% di Klinik Long Pasia pada 25 September 2021. Siasatan mendapati, satu majlis sambutan hari jadi telah diadakan di rumah kes indeks yang dihadiri oleh beberapa orang kampung pada 19 September 2021. Daripada 30 orang yang disaring, terdapat 25 kes positif dikesan dalam kluster ini termasuk kes baharu yang dilaporkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,128 unit

- Hospital 1,921 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,507 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 43.49%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 30 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	961
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	5
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	8
Orang Dalam Tahanan /Banduan	19
Jumlah	993

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Melaka	1
WP Kuala Lumpur	1
Selangor	3
WP Labuan	1
Johor	2
Jumlah	8

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Belanda	1
Arab Saudi	1
United Kingdom	2
Perancis	1
Jumlah	5

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	924
Bukan Malaysia	69
Jumlah	993

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	162
Belum Menerima Vaksin	280
Menerima 1 Dos	80
Lengkap 2 Dos	471
Jumlah	993

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	11
1 to 5	61
6 to 11	90
12 to 17	95
18 to 25	129
26 to 59	506
>60	101
Jumlah	993

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 30 September 2021)
1	Ranau	3
2	Kota Belud	2
3	Kota Marudu	2
4	Telupid	2
5	Beluran	1
6	Keningau	1
7	Kudat	1
8	Papar	1
9	Tambunan	1
10	Tawau	1
JUMLAH		15

D PEMBAHAGIAN DAERAH DALAM ZON BERKUATKUASA 1 OKTOBER 2021

Seperti yang telah diumumkan sebelum ini, mulai 1 Oktober 2021 daerah-daerah akan dibahagikan mengikut zon seperti berikut:

Zon 1 – Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Tuaran, Ranau dan Kota Belud.

Zon 2 – Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu.

Zon 3 – Kudat, Kota Marudu, Pitas dan Beluran.

Zon 4 – Lahad Datu dan Kunak.

Zon 5 – Keningau, Tambunan dan Tenom.

Manakala bagi Daerah Kinabatangan, Telupid, Tongod, Sandakan, Kalabakan, Tawau, Papar, Semporna dan Nabawan adalah dikategorikan sebagai daerah masing-masing (*stand alone district*) disebabkan daerah-daerah ini masih belum mencapai kadar 60% vaksinasi lengkap bagi populasi dewasa.

E MASA OPERASI BAGI SEKTOR EKONOMI DAN SUKAN YANG DIBENARKAN

Kebenaran adalah diberikan kepada semua aktiviti ekonomi dan sukan untuk beroperasi antara jam 6 pagi hingga 10 malam bermula 1 Oktober 2021.

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 29 September 2021 adalah seramai 2,292,885 orang. Ini meliputi 2,038,083 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 73.9% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,773,611 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,773,407 orang atau 64.3% adalah penduduk dewasa.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **621,765** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 60 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 37,101 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 62 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 20 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Empat (4) Orang: Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - 12 Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 129 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 30 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,064 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Lahad Datu. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 524 premis perniagaan dan 717 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu tidak memakai pelitup muka/ tidak memakai pelitup muka dengan betul di Kedai Durian Tham Yun Sin, Jalan Kopungit (1 Orang). Kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Kedai Tanah Hitam, Jalan Kopungit (1 Orang), Ophelia Hearing Specialist, Lintas (1 Orang), Bobo's & Meal, Jalan Kolam Luyang (1 Orang), GA Space Sdn. Bhd., Lintas Luyang (1 Orang), Agensi Pekerjaan Mercu Jaya Sdn. Bhd., Lintas (1 Orang), Demi Cerah Construction Sdn. Bhd., (1 Orang) dan Ribbons N Blooms, Heritage Plaza (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 298 Premis Perniagaan melibatkan 156 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 23 premis, melibatkan 13 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 181 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 80 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	97.5%
2	Kota Kinabalu	97%
3	Keningau	97%
4	Semporna	97%
5	Kunak	97%
6	Tawau	97%
7	Kota Belud	97%
8	Papar	97%
9	Penampang	97%
10	Sipitang	97%
11	Beaufort	97%
12	Kinabatangan	96.5%
13	Kota Marudu	96.5%
14	Tenom	96.5%
15	Tuaran	96.5%
16	Lahad Datu	96.5%
17	Sandakan	96.5%
18	Ranau	96.5%
19	Kudat	96.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II